



LESEN DIBAWAH UNDANG-UNDANG KECIL (PREMIS MAKANAN) KOTA KINABALU , 1966



JENIS-JENIS LESEN

- Restoran Kelas 1
- Restoran kelas 2
- Restoran Kelas 3
- Kedai Kopi
- Kedai Kopi Dengan Gerai Makan Gandingan
- Gerai Makan Gandingan
- Coffee House Kelas 1
- Coffee House Kelas 2
- Coffee House Kelas 3
- Kantin Kelas Dua
- Kantin Kelas Tiga
- Bakery
- Kilang Minuman besar
- Kilang Minuman kecil
- Kilang Makanan besar
- Kilang Makanan kecil

Dewan Bandaraya
Kota Kinabalu



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Melengkapkan borang permohonan Lesen Berniaga dan lesen DBKK .
- Berusia 18 tahun ke atas, penduduk tempatan/tetap negeri Sabah atau memiliki pas kerja bagi penduduk Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bagi warganegara asing hendaklah melalui pertubuhan syarikat yang berdaftar dan memiliki pas kerja.
- Pemohon dan semua pengendali makanan termasuk pelayan dimestikan membuat pemeriksaan kesihatan dan memiliki sijil kesihatan sebelum lesen dikeluarkan dan dimestikan mengikuti kursus pengendali makanan dalam tempoh 3 bulan selepas lesen dikeluarkan.
- Mengemukakan pelan pengubahsuaian premis kepada Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKK untuk kelulusan dan mendapat sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian terhadap premis.
- Ruang dapur, tempat mencuci dan tandas mestalah 25 % dari jumlah keluasan lantai.
- Aktiviti mencuci dilakukan di bahagian belakang premis, didinding setinggi 5' dan memberi ruang pintu masuk seluas maksima 4'.(jika berkenaan)
- Perangkap lemak (Grease trap) hendaklah dipasang menurut piawaian DBKK .
- Cerobong asap hendaklah dipasang di bahagian dapur.
- Sinki pencucian tangan (wash hand basin) di kawasan menghidang (serving area) atau di luar tandas hendaklah disediakan lengkap dengan sabun pencuci tangan.
- Lantai dan dinding tandas dan dapur mestalah diperbuat daripada bahan mudah dibersihkan seperti jubin, bahan tahan karat daripada lantai hingga ke siling.
- Tandas mestalah dilengkapi dengan Sabun pencuci tangan, Penyembur air, Tisu atau alat pengering tangan, Litter bin diletakkan di dalam tandas dan Flushing system yang sempurna samada Full Flush atau Half Flush.
- Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan sebelum lesen dikeluarkan.

DOKUMEN SOKONGAN

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI PERSEORANGAN / PERKONGSIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan atau disewa (serta salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan pemohon
3. Pelan lantai dan pelan lokasi
4. Salinan sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
5. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini
6. Kad Kesihatan Pemohon, semua pengendali makanan dan pelayan.

Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Jaksa Pendamai/Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI SDN.BHD / BERHAD ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan atau disewa (serta salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan bagi pengurus
3. Pelan lantai dan pelan lokasi
4. Salinan sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
5. Borang 49 dan Borang 9
6. Pas Kerja sekiranya pemohon bukan penduduk tetap Negeri Sabah
7. Suratkuasa dari syarikat bagi Pengurus yang dilantik, sekiranya pengurus adalah bukan salah satu pengarah syarikat.
8. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini
9. Kad Kesihatan Pemohon, semua pengendali makanan dan pelayan.

Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Jaksa Pendamai / Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal, manakala Borang 9 Dan 49 Yang Disahkan Oleh Setiausaha Syarikat.

SPESIFIKASI JENIS PERNIAGAAN

RESTORAN KELAS SATU	Memasak dan menghidang makanan dalam premis perniagaan yang mempunyai kelengkapan yang berkelas tinggi atau premis yang terletak dalam hotel atau resort.
RESTORAN KELAS DUA	Restoran yang berhawa dingin
RESTORAN KELAS TIGA	Restoran yang tidak berhawa dingin
KEDAI KOPI	Kedai menyedia dan menghidangkan minuman sahaja
KEDAI KOPI DENGAN GERAI MAKAN GANDINGAN	Kedai menyedia dan menghidangkan minuman dan mempunyai gerai menyedia dan menghidangkan makanan
GERAI MAKAN GANDINGAN	Menyedia dan menghidangkan makanan
COFFEE HOUSE KELAS SATU	Mempunyai kelengkapan yang berkelas tinggi
COFFEE HOUSE KELAS DUA	Dalam premis perniagaan yang berhawa dingin
COFFEE HOUSE KELAS TIGA	Dalam premis perniagaan yang tidak berhawa dingin
KANTIN KELAS DUA	Kantin yang berhawa dingin
KANTIN KELAS TIGA	Kantin yang tidak berhawa dingin
KILANG MINUMAN BESAR	Kilang yang mempunyai keluasan lantai lebih daripada 10,000 kaki persegi.
KILANG MINUMAN KECIL	Kilang yang mempunyai keluasan lantai kurang daripada 10,000 kaki persegi.

KILANG MEMBUAT MAKANAN BESAR	Kilang yang mempunyai keluasan lantai lebih daripada 10,000 kaki persegi.
KILANG MEMBUAT MAKANAN KECIL	Kilang yang mempunyai keluasan lantai kurang daripada 10,000 kaki persegi.
SMALL BAKERY	Premis yang mempunyai keluasan lantai kurang daripada 3,500 kaki persegi.
BIG BAKERY	Premis yang mempunyai keluasan lantai lebih daripada 3,500 kaki persegi.

KADAR LESEN

RESTORAN KELAS SATU	RM200.00/sebulan
RESTORAN KELAS DUA	RM 150.00/sebulan
RESTORAN KELAS TIGA	RM 80.00/sebulan
KEDAI KOPI TANPA GERAI MAKAN GANDINGAN	RM 80.00/sebulan
KEDAI KOPI DENGAN GERAI MAKAN GANDINGAN	RM 100.00/sebulan
GERAI MAKAN GANDINGAN	RM 20.00/sebulan
COFFEE HOUSE KELAS SATU	RM 200.00/sebulan
COFFEE HOUSE KELAS DUA	RM 150.00/sebulan
COFFEE HOUSE KELAS TIGA	RM 80.00/sebulan
KANTIN KELAS DUA	RM 150.00/sebulan
KANTIN KELAS TIGA	RM 80.00/sebulan
KILANG MINUMAN BESAR	RM 2000.00/sebulan
KILANG MINUMAN KECIL	RM 90.00/sebulan
KILANG MEMBUAT MAKANAN BESAR	RM 2000.00/sebulan
KILANG MEMBUAT MAKANAN KECIL	RM 90.00/sebulan
SMALL BAKERY	RM 50.00/sebulan
BIG BAKERY	RM 250.00/sebulan

Dewan Bandaraya
Kota Kinabalu

